

24/08/2002

Syarikat urus tanah terbiar Felda

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan sebuah syarikat ditubuhkan bagi menyatu dan menguruskan tanah terbiar di rancangan Felda.

Melalui cara itu, Perdana Menteri berkata pengurusan tanah rancangan Felda yang terbiar dapat dikendalikan dengan lebih baik dan hasilnya diagihkan kepada peneroka atau pemilik tanah.

Banyak tanah di rancangan Felda kini terbiar atau dijual kepada pihak lain berikutan generasi baru Felda tidak cenderung meneruskan kerja sebagai peneroka yang dulunya dilakukan oleh ibu bapa mereka.

"Kita sedang memikirkan macam mana nak buat. Anak peneroka yang sudah mendapat kelulusan tinggi, tak kan kita nak suruh dia pergi menoreh getah. Namun, tanah dia harus diuruskan.

"Kalau tidak diuruskan, nanti akan terbiar atau terjual dan ini akan menjadi satu lagi masalah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda SeMalaysia di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Gombak, hari ini.

Perhimpunan sehari anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) yang dihadiri kira-kira 4,000 generasi kedua Felda itu membincangkan fungsi dan hala tuju mereka dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan latihan, di alaf baru.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Pengerusi Kumpulan Felda Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Pengerusi GWGF Tan Sri Rozali Ismail.

Felda atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, yang penubuhannya pada 1956 adalah cetusan idea Bapa Pembangunan Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein, kini mempunyai 304 tanah rancangan membabitkan 120,000 keluarga peneroka yang mengusahakan tanaman seperti kelapa sawit dan getah.

Sepanjang 46 tahun lalu, Felda melahirkan lebih 600,000 generasi anak peneroka dan kira-kira 50,000 daripada mereka berjaya menjadi ahli profesional dalam pelbagai bidang, manakala 10,000 lagi belajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Dr Mahathir berkata, cadangan terperinci mengenai usaha mengatasi masalah tanah Felda terbiar itu sedang diteliti oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Ditanya sejauh mana serius masalah tanah Felda yang terbiar, Dr Mahathir berkata: "Serius jugalah kalau tak ada orang nak usahakan, ditinggalkan... Anak dia tak balik dah. Nak bagi pekerja asing masuk, nanti jadi apa-apa, susah juga."

Menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata peneroka atau pemilik tanah Felda mungkin dibenarkan memegang saham dalam syarikat yang dibayangkan itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, isu tanah rancangan Felda terbiar ekoran anak peneroka berjaya dalam bidang masing-masing adalah satu `masalah kejayaan'.

"Ini yang kita panggil masalah yang wujud daripada kejayaan, tetapi kita terima perkara ini dan akan mencari cara mengatasinya. Pada masa yang sama, generasi Felda juga tidak boleh lupa bahawa ladang yang dimiliki ibu bapa mereka adalah milik Melayu," katanya.

Beliau berkata, pemilik yang menjual tanah Felda mereka sebelum ini didapati tidak mempunyai pengetahuan mengenai pengurusan wang menyebabkan mereka menghabiskan wang yang diperoleh dengan membeli barang yang tidak

mendatangkan hasil seperti kereta mewah.

"Harus ingat, selagi kita ada tanah, ia boleh dijadikan harta kepada anak cucu kita, tetapi kalau kita jual tanah dengan mendapat wang yang besar, dan belanja secara hangus, akhirnya kita akan kembali merana susah," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan anak peneroka Felda supaya melengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu selaras keperluan negara untuk memiliki kumpulan profesional yang berjaya demi masa depan negara.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan Tabung Wawasan Generasi Felda, satu dana yang ditubuhkan bagi menjaga kebajikan semua generasi Felda terutama dalam pembangunan pendidikan di kalangan anak peneroka.

Beliau juga menyampaikan sijil penghargaan kepada tiga keluarga peneroka Felda yang berjaya termasuk mendidik anak sehingga menjadi golongan profesional.